



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 3, 21 DAN 22
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)
Faks: 04 - 2619588
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

Ruj.Kami : PTG/PP/AUD/206 (29)
Tarikh : 3 November 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan / Puan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 12/2020

PERWAKILAN KUASA PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA PENTADBIR TANAH DAERAH DI NEGERI PULAU PINANG DI BAWAH SESKYEN 13 KANUN TANAH NEGARA BAGI MEMPERTIMBANGKAN PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) di mesyuaratnya Bil.09/2020 pada 18 Mac 2020 dan disahkan pada 25 Mac 2020 telah meluluskan perwakilan kuasa kepada Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Pulau Pinang di bawah Seskyen 13, Kanun Tanah Negara bagi mempertimbangkan permohonan LPS.

3. PBN juga di mesyuarat yang sama telah bersetuju untuk **kesemua permohonan LPS dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (MJKTN) terlebih dahulu**. Akan tetapi bagi permohonan rayuan LPS dan permohonan-permohonan LPS yang mana telah diputuskan oleh MJKTN untuk diangkat bagi pertimbangan PBN perlu dirujuk ke **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) untuk keputusan**. Perwakilan kuasa ini adalah **berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020 seperti disiarkan di dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No.473 bertarikh 16 Julai 2020**.

4. Di samping itu, pihak tuan / puan juga dikehendaki untuk mengemukakan statistik keputusan permohonan LPS di daerah masing-masing kepada pentadbiran ini pada setiap suku tahun (3 bulan) untuk dibentangkan dalam Mesyuarat MMK. Format pelaporan tersebut adalah seperti di Lampiran A.

SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

CEKAP, AKAKUNTABILITI, TELUS
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH

5. Pentadbiran ini juga ingin menarik perhatian pihak tuan / puan berkaitan perwakilan kuasa untuk **meluluskan permohonan pembaharuan (dalam tempoh 1 + 3 tahun kelulusan di peringkat Pentadbir Tanah) yang melibatkan penambahan dan pengurangan keluasan LPS sangkar ikan adalah masih terpakai** dan permohonan untuk kelulusan semula (selepas tamat tempoh 1 + 3 tahun kelulusan) perlu diangkat untuk kelulusan MJKTN. Selain itu, perwakilan kuasa untuk **menolak permohonan LPS di atas tanah rizab dan tanah berstatus pemilikan tidak terang juga masih terpakai.**

6. Bersama ini dilampirkan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No.473 yang disiarkan pada 16 Julai 2020 (Lampiran B), Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No.213 yang disiarkan pada 06 Februari 2020 (Lampiran C) dan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No.751 yang disiarkan pada 04 Julai 2019 (Lampiran D) untuk perhatian tuan / puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI ZULKIFLI BIN LONG)
Pengarah Tanah dan Galian
Pulau Pinang

SENARAI EDARAN

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
Paras 50 & 51, KOMTAR
10000 Pulau Pinang

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
Pulau Pinang

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
Jalan Betik, Sungai Rambai
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
Bertam, 13200 Kepala Batas
Pulau Pinang

KEPUTUSAN PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA DI DAERAH (DTL/ DBD/ SPU/ SPT/ SPS) DARI (JANUARI HINGGA MAC/ APRIL HINGGA JUN/ JULAI HINGGA SEPTEMBER/ OKTOBER HINGGA DISEMBER) TAHUN 2021

Bil.	Nama dan Alamat Pemohon	**Tujuan Permohonan (Kategori / Kegunaan Tanah)	Kawasan Dipohon (No. Lot / Mukim/ Seksyen)	Keluasan (Meter Persegi)	Bayaran (RM)	Keputusan (lulus/ tolak) dan Tarikh/ Bilangan MJKTN dibentangkan
1.	Ali bin Abu No.3, Kampung ABC, Jalan XYZ, Mk. 10, SPU, P. Pinang	Kediaman [6 (d) (iii)]	Lot 123, Mk. 9	200	55	Lulus (MJKTN Bil. 3/2021 bertarikh 27 Januari 2021

- ** - Tujuan Permohonan LPS hendaklah selari dengan tujuan permohonan seperti dalam Perkara 6 (a) – (j), Jadual II, Penang Land Rules terkini yang sedang digunakan.
- Sekiranya permohonan LPS tersebut adalah dalam kategori “other purpose”, sila nyatakan tujuan tersebut.
Contoh : 6 (d) (iv) – Lain-lain (Tempat meletak kenderaan)

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

530

[16hb Julai 2020]

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Bil.	Kod Akaun Deposit	Nama Pendeposit	Nombor Resit/ Tarikh	Nombor Penyata Pemungut/ Tarikh	Tarikh Deposit Patut Dipulangkan	Amaun
<i>No.</i>	<i>Deposit Account Code</i>	<i>Name of Depositor</i>	<i>Receipt Number/ Date</i>	<i>Depositor Statement Number/ Date</i>	<i>Date that Deposit Should Be Returned</i>	<i>Amount</i>
						(RM)
72.	71301	Zalza Territory Resources	R00000995/ 27.11.2018	POB00278/ 27.11.2018	11.02.2019	250.00
73.	71301	Zai S Touch Enterprise	R00000997/ 27.11.2018	POB00278/ 27.11.2018	11.02.2019	250.00
					Jumlah	<u>76,700.00</u>

Bertarikh 22 Jun 2020

Dated 22 June 2020

[JKNPP/02/11/17/23 Jld. 5; PUNPP 352/100/1/2/EA/24 Jld. 4]

YB DATO' SARUL BAHYAH BINTI HAJI ABU
*Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang/
State Finance Officer
Penang*

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

*NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)*

No. 473.

PEMBERITAHUAN PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13

NOTIFICATION OF DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri membuat pemberitahuan yang berikut:

2. Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan Pemberitahuan Perwakilan Kuasa kepada kesemua Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Pulau Pinang dan hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.

3. Kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 65 Kanun Tanah Negara 1965 adalah dengan ini diwakilkan kepada kesemua Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Pulau Pinang seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama, dan tertakluk kepada syarat dan sekatan dalam ruangan kedua dalam Jadual di bawah.

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority makes the following notification:

2. This notification may be cited as the Delegation of Powers the all of the Land Administration in the State of Penang and shall be deemed to come into force on 1 January 2020.

3. The powers conferred on the State Authority under section 65 of the National Land Code 1965 are hereby delegated to the all of the Land Administrators in the State of Penang as specified in the first column, and subject to the conditions and restrictions as specified in the second column of the Schedule hereto.

JADUAL/SCHEDULE

Seksyen/ Section	Syarat dan sekatan/ Condition and restrictions
(1)	(2)
65	<p style="text-align: center;">Kuasa untuk meluluskan dan menolak permohonan berikut: Power to approve and reject the following application:</p> <p>(a) Lesen Pendudukan Sementara dengan syarat dibentangkan dan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri/<i>Temporary Occupation Licences provided that it is presented and decided in State Land Committee Meeting.</i></p>

Bertarikh 25 Jun 2020

Dated 25 June 2020

[PTG/PP/PENT/(S) 1390; PUNPP 352/100/1/2/EA/11 Jld. 12]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pulau Pinang/
Secretary
State Executive Council
Penang

No. 474.

(Seksyen 27)

NOTIS MENGENAI SIASATAN

Suatu siasatan akan diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang pada hari Khamis bersamaan 16 Julai 2020 pada jam 10.00 pagi berkenaan dengan perkara-perkara yang berikut:

Permohonan Pendua Hakmilik Hilang/Hancur bagi G.M. 1483, Lot 2460, Mukim 8, Seberang Perai Utara.



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

 Jil. 64
 No. 3

6hb Februari 2020

 TAMBAHAN
 No. 3

KANUN TANAH NEGARA
 (Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 213.

PEMBERITAHUAN PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13

NOTIFICATION OF DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri membuat pemberitahuan yang berikut:

2. Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan Pemberitahuan Perwakilan Kuasa kepada kesemua Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Pulau Pinang dan hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.
3. Kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 65 Kanun Tanah Negara 1965 adalah dengan ini diwakilkan kepada kesemua Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Pulau Pinang seperti dinyatakan dalam ruangan pertama, dan tertakluk kepada syarat dan sekatan dalam ruangan kedua dalam Jadual di bawah.

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority makes the following notification:

2. *This notification may be cited as the Delegation of Powers to all of the Land Administrators in the State of Penang and shall be deemed to come into force on 1 January 2020.*

3. *The powers conferred on the State Authority under section 65 of the National Land Code 1965 are hereby delegated to the all of the Land Administrators in the State of Penang as specified in the first column, and subject to the conditions and restrictions as specified in the second column of the Schedule hereto.*

JADUAL/SCHEDULE

Seksyen/Section	Syarat dan sekatan/Conditions and restrictions
(1)/(1)	(2)/(2)
	<p>Kuasa untuk meluluskan permohonan berikut:/ <i>Power to approve the following application:</i></p>
65/65	<p>(a) Penambahan keluasan bagi Permohonan Memperbaharui Lesen Pendudukan Sementara untuk tujuan ternakan ikan dalam sangkar./ <i>Increment of area for Renewal Application of Temporary Occupation Licences for the purpose of rearing fish in water.</i></p> <p>(b) Pengurangan keluasan bagi Permohonan Lesen Memperbaharui Pendudukan Sementara untuk tujuan ternakan ikan dalam sangkar./ <i>Reduction of area for Renewal Application of Temporary Occupation Licences for the purpose of rearing fish in water.</i></p>

Bertarikh 30 Januari 2020

Dated 30 January 2020

[PTG/PP/PENT/(S) 1390; PUNPP 352/100/1/2/EA/11 Jld. 11]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pulau Pinang/
Secretary
State Executive Council
Penang

No. 214.

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang.



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

 Jil. 63
 No. 14

4hb Julai 2019

 TAMBAHAN
 No. 1

KANUN TANAH NEGARA
 (Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 751

PEMBERITAHUAN PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13

NOTIFICATION OF DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri membuat pemberitahuan yang berikut:

2. Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan Pemberitahuan Perwakilan Kuasa kepada kesemua Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Pulau Pinang dan hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2018.
3. Kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 65 Kanun Tanah Negara 1965 adalah dengan ini diwakilkan kepada kesemua Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Pulau Pinang seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama, dan tertakluk kepada syarat dan sekatan dalam ruangan kedua dalam Jadual di bawah.

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority makes the following notification:

2. *This notification may be cited as the Delegation of Powers the all of the Land Administration in the State of Penang and shall be deemed to come into force on 1 October 2018.*

3. *The powers conferred on the State Authority under section 65 of the National Land Code 1965 are hereby delegated to the all of the Land Administrators in the State of Penang as specified in the first column, and subject to the conditions and restrictions as specified in the second column of the Schedule hereto.*

JADUAL/SCHEDULE

Seksyen/ Section	Syarat dan sekatan/ Condition and restrictions
(1)	(2)
	Kuasa untuk menolak permohonan berikut: Power to reject the following application:
65	(a) Permohonan bagi Lesen Pendudukan Sementara di atas tanah rizab/ <i>Application of Temporary Occupation Licences on reserved lands.</i> (b) Permohonan bagi Lesen Pendudukan Sementara di atas tanah berstatus pemilikan tak terang/ <i>Application of Temporary Occupation Licences on lands endorsed with not clear title.</i>

Bertarikh 26 Jun 2019

Dated 26 June 2019

[PTG/PP/S/45 Jld. 2; PUNPP 352/100/1/2/EA/11 Jld. 9]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pulau Pinang/
Secretary
State Executive Council
Penang

No. 752.

(Seksyen 263)

PENGISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

(Kali Kedua)

Dalam perkara seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

DI ANTARA

PUBLIC BANK BERHAD

Pemegang Gadaian

DAN

LEONG KAM PHOI & CHIN KEM CHEE

Penggadai